

Kes Keleluhan dalam Undang-Undang Amerika Syarikat

NUR ADILLA ABD RAHIM

Jika hendak dibandingkan dengan negara lain termasuk Malaysia, konsep keleluhan¹ di Amerika Syarikat telah berevolusi dengan pantas sekali. Antara lain, hal ini disebabkan sistem perundangan Amerika Syarikat yang telah membenarkan Mahkamah Agung Amerika Syarikat untuk mempunyai kuasa besar dalam merobah undang-undang negara. Mahkamah dan undang-undang di peringkat negeri juga hampir sama, jika tidak lebih, kuasanya dengan undang-undang peringkat persekutuan. Selain itu, kesedaran mengenai hak dan evolusi budaya yang pantas dalam kalangan rakyat Amerika juga menjadi penyumbang kepada perkembangan undang-undang di sana. Kertas ini akan melihat kepada tiga kes yang telah merobah definisi tradisional keleluhan setelah dibicarakan di Amerika Syarikat.

1 Pendahuluan

Teknologi reproduktif yang semakin canggih telah menggugah fungsi muasal sesuatu perkahwinan lelaki-perempuan dalam melahirkan zuriat. Kelahiran zuriat sudah tidak terhad kepada kesan hubungan seksual suami-isteri, bahkan, telah mencapah luas melibatkan lebih banyak aktor lain (selain ibu dan bapanya sahaja). Bukan sahaja kemajuan teknologi yang boleh menggantikan peranan biologikal wanita dalam melahirkan bayi, definisi perkahwinan yang telah

¹Saya menterjemah perkataan “*parenthood*” menjadi “keleluhan”.

berubah² daripada definisi perkahwinan tradisional (seorang lelaki, berkahwin dengan seorang wanita) juga telah memberi kesan besar kepada pemaknaan yang diletakkan dalam isu kekeluhuran ini.

2 Kes 1: In Re Marriage of Buzzanca

Kes ini mengenai sepasang suami isteri, Luanne dan John yang telah mendapatkan khidmat ibu tumpang (*surrogate mother*) untuk menghamilkan embrio yang didermakan oleh si anu. Setelah pelaksanaan proses persenyawaan, penanaman embrio dan kehamilan, John si suami, tiba-tiba memfailkan petisyen untuk membubarkan perkahwinannya dengan Luanne. Dalam petisyen tersebut, John telah menyatakan bahawa perkahwinannya dengan Luanne tidak mempunyai anak. Luanne lekas tidak bersetuju dan memfailkan balasannya dengan menyatakan bahawa mereka berdua mempunyai anak yang akan lahir melalui ibu tumpang. Tidak seberapa lama kemudian, anak tersebut (yang diberi nama Jaycee) telah lahir. John masih berdegil menyatakan bahawa bayi tersebut bukan anaknya.

Ibu tumpang yang diupah John dan Luanne untuk menghamilkan Jaycee, tidak membuat sebarang tuntutan kekeluhuran dalam kes ini.

Mahkamah telah menolak ketidaksetujuan John terhadap Luanne dengan menyatakan bahawa seseorang boleh menjadi bapa yang absah (*establishing fatherhood*) melalui permanian beradas (*artificial insemination*), selain cara melahirkan dan mempunyai pertalian genetik. Kes ini jelas tidak melibatkan John sebagai individu yang melahirkan Jaycee. Tambahan pula, Jaycee juga tidak dimanikan oleh sperma John dan ovum Luanne, bahkan dilahirkan pula oleh ibu tumpang. Ketiga-tiga faktor ini (sperma, ovum dan ibu tumpang) membuktikan bahawa memang John tidak mempunyai apa-apa pertalian genetik dengan Jaycee.

Kendatipun begitu, mahkamah berpendapat bahawa John ialah bapa Jaycee yang absah dan satu-satunya. Mahkamah turut memetik Kod Keluarga Seksyen 7610 yang menyatakan bahawa, untuk mengabsahkan kekeluhuran, seseorang memang tidak memerlukan hubungan langsung berasaskan genetik ("*no direct reference to genetic*"). Bahkan, sebelum itu, John telah menyertai proses permanian beradas dan perjanjian ibu tumpang dengan sepenuh pengetahuan bahawa

²Rujuk kes *Obergefell v. Hodges* (2015). Kes ini telah mengiktiraf perkahwinan sejenis di Amerika Syarikat.

anak yang dikandungkan ibu tumpang upahan ialah anak mereka sendiri. Persetujuan oleh John ketika itu juga tidak disebabkan oleh sebarang bentuk paksaan. Paling utama, disebabkan John merupakan suami Luanne yang sah ketika itu, secara automatik anak Luanne akan menjadi anak John.

Keputusan mahkamah ini telah menetapkan duluan (*precedence*) bahawa apabila satu pasangan yang berkahwin dengan absah di sisi undang-undang Amerika³ menyatakan persetujuan tanpa paksaan untuk mengguna pakai persenyawaan in vitro oleh ibu tumpang, pasangan tersebut akan secara automatik menjadi ibu bapa kepada anak yang dikandungkan ibu tumpang tersebut, walaupun antara mereka tidak wujudnya pertalian genetik dan biologi.

3 Kes 2: Robert B. v. Susan B.

Kes ini berkisar mengenai kesilapan yang dilakukan oleh sebuah klinik reproduktif yang telah melakukan kesilapan dengan menanam embrio sepasang suami isteri, Denise dan Robert dalam uterus Susan. Susan merupakan pelanggan klinik tersebut dan tidak mempunyai hubungan dengan Denise mahupun Robert. Hasilnya, seorang bayi bernama Daniel pun lahir. Susan yang sepatutnya mendapat embrio si anu menyatakan dengan jelas bahawa hanya dia yang mempunyai hak kekeluhuran sah terhadap Daniel. Apabila kesilapan penanaman embrio itu diketahui umum, mahkamah tidak mempunyai sebarang masalah untuk memberikan hak kekeluhuran kepada Robert, kerana Robert memang mempunyai pertalian genetik dengan Daniel. Hal ini juga kerana, Robert merupakan satu-satunya lelaki/bapa yang layak dan telah menuntut hak kekeluhuran terhadap Daniel dalam kes ini.

Pun, Denise telah dihalang hak kekeluhurannya terhadap Daniel. Denise menolak keputusan mahkamah dengan cuba membawa interpretasi undang-undang terhadap kekeluhuran menurut kes Buzzanca. Seperti yang dimaklumkan, dalam Buzzanca, si anu boleh menjadi ibu/bapa yang absah terhadap seseorang anak itu meskipun tanpa pertalian genetik jika si anu merupakan suami atau isteri yang sah kepada anak pasangannya. Oleh sebab itu, Denise menyatakan bahawa beliau mempunyai hak kekeluhuran terhadap Daniel kerana Denise merupakan isteri Robert yang sah.

³Misalnya, poligami dan poliandri adalah perkahwinan tidak sah taraf di Amerika.

Mahkamah California menolak tuntutan hak oleh Denise. Pertama, Denise tiada pertalian genetik dan gestasi dengan Daniel. Kedua, Denise tidak mempunyai lokus standi seperti Robert. Ketiga dan yang paling utama, undang-undang California hanya mengiktiraf satu ibu dan satu bapa yang sah bagi setiap anak. Sementara Susan telah menuntut dan mendapat hak keleluhan sebagai ibu, lokus standi Denise telah hilang serta-merta.

4 Kes 3: IN RE: the Matter of the PARENTAGE OF L.B.

Kes ini melibatkan pasangan lesbian, Page Britain dan Sue Ellen Carvin. Pasangan ini membuat keputusan untuk membesarkan anak bersama-sama. Dengan sumbangan semen dari seorang rakan lelaki mereka, Page Britain akhirnya melahirkan seorang anak perempuan bernama, L.B pada tahun 1995. Pasangan ini sama-sama aktif dalam menjaga dan membesarkan L.B. dengan baik dan komited. Malangnya, setelah L.B. berusia enam tahun. Page Britain dan Sue Ellen Carvin membuat keputusan untuk berpisah.

Soalannya, apakah Carvin mempunyai hak keleluhan terhadap L.B.? Oleh kerana Carvin langsung tidak mempunyai pertalian biologi dengan L.B., dan juga (jika mengikut kes Robert B. v. Susan B. di California), kuota ibu telah dipenuhi Britain. Page Britain dan Sue Ellen Carvin juga tidak berkahwin.⁴

Namun, Carvin menuntut status ibu secara psikologi, bukan biologi (*a psychological parent, rather than a biological parent*). Mahkamah akhirnya menerima hujahan ini kerana kedua-dua Carvin dan L.B. memang mempunyai hubungan yang kuat seperti ibu-anak dan rekod menunjukkan bahawa L.B. sangat terkesan secara negatif dengan meniadakan hak lawatan dan lain-lain kepada Carvin (*terminating visitation of Carvin*).

Dalam kes ini, mahkamah membuat keputusan aktivis dan mengaplikasi konsep ibu bapa de facto (*de facto parent*) atau ibu bapa secara psikologi ini. Untuk mendapatkan taraf ibu bapa de facto ini, seseorang perlu membuktikan kepada mahkamah bahawa memang terdapatnya hubungan ibu/bapa-anak yang melengkap. Hubungan

⁴Di negeri Washington, perkahwinan sejenis hanya diiktiraf di sisi undang-undang Negeri pada Disember 6, 2012. Kes ini *In re parentage of L.B* ini berlangsung antara 2001-2005.

ini perlu dibuktikan melalui (1) telah wujudnya hubungan ibu/bapa-anak secara ekstensif, (2) petisyener (dalam kes ini, Carvin) dan anak tersebut telah hidup bersama dalam sebuah keluarga, (3) petisyener perlulah menyedari bahawa tanggungjawab hak kekeluhuran yang diperoleh tadi datang tanpa sebarang bentuk bayaran⁵, dan (4) petisyener telah berperanan sebagai ibu/bapa kepada anak tersebut sehingga telah wujudnya pertautan erat yang saling memerlukan.

Carvin telah lulus keempat-empat ujian yang dinyatakan untuk menjadi ibu *de facto* kepada L.B. Antara lain, (1) Carvin memang terlibat dalam membesarkan L.B. sedari L.B dalam perut lagi, (2) Carvin juga telah hidup sebagai sebuah keluarga dengan L.B, (3) Carvin langsung tidak menuntut sebarang bentuk kewangan atau balasan jika dia dibenarkan untuk mempunyai hak kekeluhuran terhadap L.B, dan (4) mahkamah mempunyai bukti bahawa L.B. terkesan secara negatif tanpa Carvin.

Mahkamah turut menyatakan bahawa sebarang bentuk diskriminasi kepada anak-anak tidak wajar berlaku. Misalnya, anak luar nikah adalah sama sahaja dengan anak yang lahir dari perkahwinan yang sah di sisi undang-undang. Bahkan, mahkamah turut memanggil supaya massa berhenti menjijikkan dan bertindak dengan tidak adil kepada mana-mana golongan minoriti, termasuklah terhadap LGBT.

5 Penelitian

Melihat kepada tiga kes ini, kita tidak dapat menafikan bahawa isu kekeluhuran di Amerika bukan lagi kes yang objektif dan lurus lagi. Hak kekeluhuran perlu dinilai dengan teliti dan sudah tiada pemaknaan universal (*one size fits all*) lagi. Banyak faktor yang dinilai dalam memberikan hak kekeluhuran ini antaranya ialah undang-undang dalam negeri itu sendiri. Misalnya, dalam kes Susan B. v. Robert B., undang-undang jelas menyebut bahawa hanya seorang sahaja yang layak secara undang-undang untuk mendapat hak kekeluhuran daripada setiap anak. Bagaimana undang-undang sebegini bisa memberi keadilan yang sejati kepada pasangan gay dan lesbian misalnya?

Kes L.B. di negeri Washington juga menarik kerana telah membuka ruang baru dalam pendefinisian hak kekeluhuran. Apabila konsep ibu bapa *de facto* ini diiktiraf, ianya telah membuka ruang

⁵Bukan seperti tugas pengasuh: Dibayar untuk menjaga/mengasuh anak.

yang terlalu lebar untuk sesiapa sahaja menuntut hak kekeluhuran di Amerika Syarikat. Pendefinisian baru ini bukan sahaja lebih memudahkan golongan LGBT (sebelum kes *Obergefell v. Hodges*, 2015) dalam memastikan hak kekeluhuran mereka terpelihara di sisi undang-undang, tetapi, turut memberi jalan pintas tuntutan hak kekeluhuran kepada ibu atau bapa tiri (setelah bercerai dengan ibu atau bapa kandung anak), ibu atau bapa saudara, guru (misalnya warden asrama), adik beradik, datuk dan nenek dan hampir siapa sahaja. Jika diamalkan secara meluas, hal ini boleh memberi impak besar kepada polisi dan perundangan negara misalnya dalam perundangan mengenai pewarisan harta dan insurans.

6 Kesimpulan

Dalam konteks Malaysia, isu kekeluhuran ini juga wajar dibincangkan lagi. Selain daripada beberapa kes melibatkan kekeluhuran yakni penjagaan anak antara ibu bapa yang tidak sama agama, terdapat banyak lagi isu lain yang perlu diperhalusi. Sehingga kini, kita tahu bahawa memang terdapat beberapa kes penjualan bayi daripada ibu/keluarga miskin kepada keluarga yang lebih berada.⁶ Namun, kita tidak pernah mendengar sebarang kes tuntutan kekeluhuran anak yang dijual ini berlaku di tanah air. Bahkan, hampir tiada kajian khusus yang melihat kepada menjual anak kerana kemiskinan ini terutamanya dalam tempoh sebelum dan beberapa tahun selepas kemerdekaan negara.

Tidak cukup dengan itu, sebagai refleksi keputusan mahkamah dalam kes L.B., kita perlu lekas sedar bahawa terdapat diskriminasi yang meruntuhkan terhadap anak luar nikah. Pelabelan kasar oleh institusi kerajaan yang memanggil anak luar nikah ini sebagai “anak tidak sah taraf” perlu disemak semula.

Melihat lebih dalam lagi, ketiga-tiga kes ini merupakan bukti ampuh bahawa pertalian genetik dan biologi bukan satu-satunya faktor untuk seseorang itu mendapat hak kekeluhuran. Tanpa kita sedar, perubahan ini telah menyebabkan cara pandang masyarakat terhadap badan manusia. Semen dan ovum ialah “objek” yang boleh dipindah milik. Tubuh wanita telah menjadi ladang pembenihan manusia secara literal tanpa perlu sebarang hubungan kasih dan

⁶Kes jual anak kerana kemiskinan ini ada dipaparkan dalam sebuah filem sejarah Singapura (sebelum hingga selepas berpisah dengan Malaysia), *Long Long Time Ago* arahan Jack Neo.

sayang lagi. Tubuh wanita telah diekonomikan dengan cara yang baru. Misalnya, ramai wanita di negara membangun seperti India yang menjual perkhidmatan menjadi ibu tumpang ini. Persoalannya, apakah satu hari nanti sistem reproduksi dalam tubuh wanita akan dipandang tidak lebih daripada mesin menghasilkan bayi? Atau apakah penindasan terhadap tubuh wanita selama ini juga telah lama membenihkan sikap tersebut? Adakah persepsi ini – bahawa tubuh wanita tidak lebih daripada sekadar mesin menghasilkan bayi – sesuatu yang baik? Mungkin sahaja ia sama buruk dengan persepsi ramai lelaki yang melihat wanita/tubuh wanita sebagai tempat memuaskan nafsu seksual dan objek pemilikan oleh lelaki semata-mata.